

Sungai Sembrong paling tercemar

Batu Pahat: Bukan hanya berwarna kehitaman, malah ada di antaranya berkeladak dan berbau busuk.

Itu yang terpaksa dilalui penduduk di daerah ini apabila beberapa sungai utama di sini, tercemar dan diancam bahaya.

Tiga sungai iaitu Sungai Simpang Kanan, Sungai Sembrong dan Sungai Batu Pahat termasuk dalam se-

narai 'panas' antara sungai paling tercemar di Johor.

Kajian dijalankan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 2014 juga mendedahkan Sungai Sembrong berada di tahap terancam pada kelas 4.

Jika kajian ini tepat, penduduk sekitar Batu Pahat berkemungkinan diancam bahaya berikutan terdedah

dengan kesan pencemaran air dalam jangka masa panjang.

Kelas 4 diklasifikasikan sebagai tercemar dan air sungai hanya boleh digunakan untuk tujuan pengairan manakala kelas 5 adalah sungai yang sangat tercemar dan dikategorikan sebagai hampir mati hingga tidak boleh digunakan lagi.

Tinjauan di ketiga-tiga

sungai itu pada awalnya tidak menampakkan sebarang tanda-tanda pencemaran ketara terutama dari pandangan mata kasar berikutan tahap warna air masih boleh diterima.

Namun, apabila wartawan menjejak kaki ke kawasan berhampiran saluran parit yang mengalir ke beberapa sungai utama barulah situasi sebenar terbongkar.



SUNGAI Sembrong yang tercemar teruk.